

# Jadikan pemantauan amalan – PM

Oleh HABIBAH OMAR

**PUTRAJAYA** 5 Feb. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan kakitangan awam supaya menjadikan aspek pemantauan, susulan dan penyelarasan sebagai amalan dalam melaksanakan tugas bagi memastikan projek dan program yang dijalankan tidak menemui kegagalan.

Perdana Menteri berkata, jika aspek berkenaan dijadikan amalan, maka pegawai dapat melihat masalah yang timbul dan tindakan segera dapat diambil supaya projek dan program itu tidak membawa keburukan.

“Dalam sehari dua ini, surat khabar penuh dengan cerita berkaitan projek gagal, terbengkalai, yang tak diurus dengan baik. Ada saja yang berkaitan dengan masalah projek.

“Betul, bukan semua projek yang dilaksanakan itu menjadi masalah tetapi walaupun bilangannya tak banyak, ia boleh dianggap sebagai suatu kegagalan yang akan menyebabkan rakyat tidak akan mendapat manfaat daripada projek yang hendak dilaksanakan demi kepentingan rakyat

“Justeru perkataan pantau, susulan dan penyelarasan ini yang akan bagi hasil dan kita akan rasa bangga bila ia (projek atau program) berjalan elok serta membawa manfaat,” katanya ketika berucap pada perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi Norwawi dan Datuk Dr. Abdullah Md Zin serta Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan.

Dalam ucapannya itu, beliau juga meminta supaya kakitangan awam tidak menganggap bahawa sesuatu program yang dilaksanakan itu telah selesai sebaik sahaja majlis pelancarannya tamat.

Beliau berkata, ia sebenarnya menandakan kerja baru bermula di peringkat perancangan, pemantauan dan penyelarasan.

“Kita mesti anggap pelancaran program itu

UM-6/2/2007  
sebagai baru nak mula dengan itu mesti ada susulan, jangan lupa, kita mesti turun tengok apakah program yang telah dilancarkan itu berjalan pada semua peringkat, terutama apabila program itu adalah program untuk dilaksanakan di seluruh negara.

“Apa juga program sama ada ia berkaitan penambahbaikan pentadbiran kita, menambah kebaikan sistem perkhidmatan awam atau program lain lagi yang banyak kita laksanakan dari semasa ke semasa,” katanya.

Namun jika berlaku perkara yang tidak sepatutnya, Perdana Menteri berkata, ia adalah kerana kelemahan pelaksanaan sedangkan pentadbiran kerajaan tidak kekeringan idea, malah banyak pengalaman untuk memastikan negara lebih maju.

“Mungkin ada yang kata kita banyak kerja di pejabat, lepas satu fail satu fail, selesai satu fail pelaksanaan dijalankan, datang fail lagi, nak tengok satu fail demi satu fail maka tidak ada masa untuk mengikut apa yang telah berlaku kepada program yang telah dilancarkan.

“Dalam hal ini kita perlu memastikan pengagihan kerja kita dijalankan dengan baik, mesti ada penambahbaikan dalam menjalankan tugas, mesti ada cara yang membolehkan kita mempercepatkan proses buat kerja,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara untuk memastikan usaha mempercepatkan dan memendekkan proses dan mengurangkan kerenah birokrasi dijadikan program utama sepanjang masa.

“Kita juga ada *e-government*, ia mestilah digunakan dengan cara yang boleh mempercepatkan kerja kita, kita harap dengan menggunakan komputer maka banyak kerja kita itu dapat kita uruskan dengan lebih baik.”

Mengenai projek terbengkalai, katanya, walau apa pun masalahnya, satu perkara yang kita dapat pastikan projek tidak gagal ialah dengan memantaunya dengan cepat katanya.



ABDULLAH Ahmad Badawi menandatangani plak peringatan sambil diperhatikan oleh Abdullah Sulaiman Al Rajhi (kanan) ketika melancarkan pembukaan Bank Al Rajhi Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

– Gambar MOHD NOOR AMIN